

10 NOV 1999

KERAJAAN MALAYSIA BIMBANG DENGAN KEGANASAN DI CHECHNYA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan Malaysia amat bimbang dengan tahap keganasan yang semakin meningkat di Chechnya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sejak beberapa minggu lepas, bilangan penduduk awam yang terbunuh meningkat dan beribu-ribu penduduk terpaksa meninggalkan kediaman mereka untuk mengelakkan serangan udara.

"Kerajaan Malaysia ingin meminta Kerajaan Persekutuan Russia supaya melaksanakan kawalan bagi mengurangkan kesengsaraan manusia di Chechnya," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata Kerajaan Malaysia juga meminta kedua-dua pihak yang bertelagah di Chechnya supaya berunding dan mencari penyelesaian secara aman.

Syed Hamid kini berada di Afrika Selatan sebagai mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

-- BERNAMA

JAY NAK